



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 3 FEBRUARI 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>JKM PERLU MEREKODKAN MANGSA BANJIR YANG TIDAK BERPINDAH KE PPS</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/02/jkm-perlu-merekodkan-mangsa-banjir-yang-tidak-berpindah-ke-pps">https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/02/jkm-perlu-merekodkan-mangsa-banjir-yang-tidak-berpindah-ke-pps</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>PETRONAS DAN JKM BINTULU BEKERJASAMA SUMBANG BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI PPS NAIM STREET MALL PARAGON</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/02/petronas-dan-jkm-bintulu-bekerjasama-sumbang-bantuan-kepada-mangsa-banjir-di-pps-naim">https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/02/petronas-dan-jkm-bintulu-bekerjasama-sumbang-bantuan-kepada-mangsa-banjir-di-pps-naim</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/02/02/petronas-prihatin-salur-bantuan-kemanusiaan-kepada-mangsa-banjir-bintulu-miri/">https://www.tvsarawak.my/2025/02/02/petronas-prihatin-salur-bantuan-kemanusiaan-kepada-mangsa-banjir-bintulu-miri/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>BEKALAN MAKANAN, KEPERLUAN ASAS DIHANTAR KE KAWASAN TERPUTUS HUBUNGAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-makanan-keperluan-asas-dihantar-ke-kawasan-terputus-hubungan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-makanan-keperluan-asas-dihantar-ke-kawasan-terputus-hubungan</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>MAYDA AMBIL ALIH TUGAS JKM 'SELAMATKAN' 34 WARGA EMAS UZUR</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/02/mayda-ambil-alih-tugas-jkm-selamatkan-34-warga-emas-uzur/">https://malaysiagazette.com/2025/02/02/mayda-ambil-alih-tugas-jkm-selamatkan-34-warga-emas-uzur/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>LELAKI CEROBOH RUMAH, TUMBUK WANITA WARGA EMAS DIDAKWA DI MAHKAMAH ESOK</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-ceroboh-rumah-tumbuk-wanita-warga-emas-didakwa-di-mahkamah-esok/">https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-ceroboh-rumah-tumbuk-wanita-warga-emas-didakwa-di-mahkamah-esok/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183169/lelaki-ceroboh-rumah-tumbuk-wanita-warga-emas-didakwa-esok">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183169/lelaki-ceroboh-rumah-tumbuk-wanita-warga-emas-didakwa-esok</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>IBU EMPAT ANAK DITAHAN KES BUANG BAYI DI KEDAI MAKAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/02/ibu-empat-anak-ditahan-kes-buang-bayi-di-kedai-makan/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/02/ibu-empat-anak-ditahan-kes-buang-bayi-di-kedai-makan/</a>	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>LELAKI DITAHAN ROGOL ANAK USIA 8 TAHUN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/710465/berita/semasa/lelaki-ditahan-rogol-anak-usia-8-tahun#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/710465/berita/semasa/lelaki-ditahan-rogol-anak-usia-8-tahun#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>3 DITAHAN SUSULAN 2 KES ROGOL BERASINGAN BABITKAN MANGSA BAWAH UMUR</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1356665/3-ditahan-susulan-2-kes-rogol-berasingan-babitkan-mangsa-bawah-umur">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1356665/3-ditahan-susulan-2-kes-rogol-berasingan-babitkan-mangsa-bawah-umur</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/02/bapa-datuk-dan-bapa-saudara-ditahan-tebuk-darah-daging-sendiri/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/02/bapa-datuk-dan-bapa-saudara-ditahan-tebuk-darah-daging-sendiri/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183141/3-lelaki-termasuk-warga-emas-ditahan-bantu-siasatan-2-kes-rogol">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183141/3-lelaki-termasuk-warga-emas-ditahan-bantu-siasatan-2-kes-rogol</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/02/kes-rogol-polis-tahan-bapa-bapa-saudara-dan-datuk/">https://malaysiagazette.com/2025/02/02/kes-rogol-polis-tahan-bapa-bapa-saudara-dan-datuk/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>LAMBAT KELUAR SELEPAS BELI NASI AYAM JADI PUNCA LELAKI TAMPAR ISTERI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2025/02/1183055/lambat-keluar-selepas-beli-nasi-ayam-jadi-punca-lelaki-tampar-isteri">https://www.hmetro.com.my/utama/2025/02/1183055/lambat-keluar-selepas-beli-nasi-ayam-jadi-punca-lelaki-tampar-isteri</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1356498/lambat-keluar-punca-suspek-tampar-isteri-di-khalayak">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1356498/lambat-keluar-punca-suspek-tampar-isteri-di-khalayak</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/02/suami-direman-3-hari-kes-tampar-isteri-leka-menonton-video-tarian-singa/">https://malaysiagazette.com/2025/02/02/suami-direman-3-hari-kes-tampar-isteri-leka-menonton-video-tarian-singa/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/02/02/lelaki-lempang-isteri-direman-3-hari-marah-sebab-lambat-keluar-lepas-beli-nasi-ayam">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/02/02/lelaki-lempang-isteri-direman-3-hari-marah-sebab-lambat-keluar-lepas-beli-nasi-ayam</a>	MSTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-tampar-isteri-dalam-video-live-direman-3-hari/">https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-tampar-isteri-dalam-video-live-direman-3-hari/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://ohmedia.my/trending/lelaki-tergamak-tampar-isteri-depan-orang-ramai-sebab-ini-saja-rupanya/">https://ohmedia.my/trending/lelaki-tergamak-tampar-isteri-depan-orang-ramai-sebab-ini-saja-rupanya/</a>	OHMEDIA.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lambat-keluar-lepas-beli-nasi-ayam-punca-suspek-tampar-isteri-di-khalayak/">https://www.buletintv3.my/nasional/lambat-keluar-lepas-beli-nasi-ayam-punca-suspek-tampar-isteri-di-khalayak/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/02/lelaki-tampar-isteri-ekoran-lambat-selepas-beli-nasi-ayam/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/02/lelaki-tampar-isteri-ekoran-lambat-selepas-beli-nasi-ayam/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://wartaoriental.com/2025/02/02/lelaki-tampar-isteri-kerana-lambat-tiba-selepas-beli-nasi-ayam/">https://wartaoriental.com/2025/02/02/lelaki-tampar-isteri-kerana-lambat-tiba-selepas-beli-nasi-ayam/</a>	WARTAORIENTAL.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/710429/berita/semasa/lambat-keluar-selepas-beli-nasi-ayam-punca-suami-tampar-isteri">https://www.sinarharian.com.my/article/710429/berita/semasa/lambat-keluar-selepas-beli-nasi-ayam-punca-suami-tampar-isteri</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lambat-keluar-selepas-beli-nasi-ayam-punca-suami-tampar-isteri-506957">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lambat-keluar-selepas-beli-nasi-ayam-punca-suami-tampar-isteri-506957</a>	ASTROAWANI.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	'HAVE STRONGER ENFORCEMENT TO BRIDGE GENDER SALARY GAP'		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	3 FEB 2025	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## 'Have stronger enforcement to bridge gender salary gap'

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** The Women's Aid Organisation (WAO) has called for greater salary transparency and stronger enforcement of gender-equitable compensation practices to address the wage gap between men and women in Malaysia, which exists despite women being the top scorers in universities.

Its acting executive director Nazreen Nizam was commenting on Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri's statement that the Graduate Statistics 2023 report, released by the Statistics Department, revealed that female graduates earn an average of RM900 less than their male counterparts, despite having comparable academic qualifications.

Nazreen said the lack of specific regulations mandating equal pay for work of equal value across genders in Malaysia has caused wage disparities to go unnoticed and unaddressed in various sectors.

➤ Lack of specific regulations mandating equal pay leads to wage disparities going unnoticed and unaddressed in various sectors, says women's group

"There are no specific legislations that mandate equal pay for work of equal value.

"To achieve pay equity, Malaysia must implement laws to prevent wage discrimination and enforce remedies and penalties for violations."

She said despite increasing numbers of women entering the workforce, there are still significantly fewer of them in senior roles, which are typically associated with higher pay.

"Underrepresentation of women in leadership positions further compounds the wage gap, while cultural norms and workplace policies that fail to support equal career advancement opportunities for women also contribute to the imbalance."

Nazreen said persistent wage

disparities contribute to broader income inequality, worsening social stratification and economic instability.

She said the wage gap perpetuates cycles of poverty and limits educational opportunities for future generations, particularly in families headed by single mothers or households in which women are the primary earners.

"Women's reduced earning capacity makes them more vulnerable during economic downturns and personal crises, such as divorce or the death of a spouse. With fewer financial resources, women have less flexibility to leave unsatisfactory relationships and have more difficulty recovering from financial setbacks," she said.

Universiti Malaysia Kelantan

Professor of Human Resource and Industrial Relations Prof Dr Balakrishnan Parasuraman said despite women being top scorers in universities, societal biases, workplace stereotypes and systemic injustices often prevent their achievements from translating into equal pay or workplace opportunities.

"Salaries should be determined by the value of their work, skills and experience rather than gender or educational accomplishments.

"Historically, women have encountered systemic barriers that hinder their career advancement and access to well-paid positions within organisations."

Balakrishnan said the wage gap also has the potential to adversely affect employee morale and retention, particularly among women, by creating feelings of undervaluation and inequality.

He said women employees may feel frustrated and demotivated when they encounter pay disparities despite having similar qualifications of male colleagues.

Over time, their frustration may drive them to seek opportunities elsewhere, he added.

"A lack or absence of robust policy support regarding workplace gender equality could worsen wage disparities.

"For instance, inadequate parental leave policies, limited access to affordable childcare and lack of flexible work arrangements adversely affect women, restricting their career growth and earning potential.

"Concerns regarding potential career interruptions due to family commitments, such as maternity leave, strengthen the misconception that women are less serious about their careers."

He said men are more likely to be assertive in salary negotiations, compared with women, who usually refrain from doing so due to societal standards and the fear of backlash.

"Assumptions that men are the primary earners or better suited for high-stakes positions also influence evaluations and salary offers. This highlights the need for standardised, transparent hiring and evaluation processes to ensure fairness and equity," he said.



Nazreen said the wage gap limits educational opportunities for future generations, particularly in families headed by single mothers or households in which women are the primary earners. - BERNAM/APIC

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## JKM perlu merekodkan mangsa banjir yang tidak berpindah ke PPS

© Februari 2, 2025, Ahad - 8:31pm



Fatimah menemui salah sebuah keluarga mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Dewan Kampung Pujut Tanjung Batu.

MIRI: Ketua kaum diminta mendapatkan nama-nama mangsa banjir yang tidak berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, jumlah kesemua mangsa banjir termasuk di PPS akan direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Jadi sekarang pun kita sudah minta daripada KK, ada yang berpindah ada yang tak berpindah.

"Ada yang tidak berpindah. Mereka berada di rumah mereka. Kita juga perlukan rekod itu," jelas beliau kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke PPS Dewan Serba Guna Kampung Pujut Tanjung Batu hari ini.

Menurut Fatimah, maklumat daripada semua mangsa di seluruh negeri amat diperlukan oleh JKJ untuk dirujuk kepada pihak kerajaan negeri.

"Semua maklumat sangat penting bagi kita (JKM) supaya bila kami bermesyuarat, kami ada semua maklumat dari seluruh Sarawak dan selepas itu kerajaan dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya.

Beliau memberitahu, objektif lawatan adalah untuk memastikan makanan mencukupi serta keperluan kanak-kanak dan bayi disediakan seperti lampin pakai buang dan susu.

Fatimah turut memastikan kanak-kanak di PPS disediakan aktiviti yang merupakan antara prosedur operasi standard (SOP) JKJ.

Beliau mendapati ruang PPS di dewan itu sempit untuk membolehkan pengendalian aktiviti di luar dewan untuk kanak-kanak.

Selain itu, doktor dan jururawat juga ditempatkan di setiap PPS untuk menjaga kesihatan mangsa.

Beliau berharap pasukan kesihatan akan mengambil perhatian terhadap keperluan pesakit-pesakit kronik.

Fatimah mendoakan agar cuaca baik sekarang berterusan agar mangsa dapat kembali semua ke rumah mereka.

"Inilah yang kita harapkan. Dengan cuaca yang cerah, kita berharap dari segi kesihatan mental atau dari segi tekanan yang dirasakan mangsa dapat berkurangan, jelasnya.

Kepada pesakit diabetes, beliau menasihatkan mereka untuk lebih berhati-hati dan mengelak kecederaan dan luka dimasuki air banjir.

JKJ turut menempatkan pegawai kaunseling untuk membolehkan mangsa berkongsi masalah dan tekanan mereka kerana kemusnahan harta benda akibat banjir.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## PETRONAS dan JKM Bintulu bekerjasama sumbang bantuan kepada mangsa banjir di PPS Naim Street Mall Paragon

© Februari 2, 2025, Ahad - 8:59am



Kakitangan Petronas dan JKM Bintulu sedia untuk menyerahkan barang keperluan kepada mangsa banjir di PPS Paragon Bintulu.

BINTULU: Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bintulu bergabung sebagai satu pasukan dengan memberi sumbangan bantuan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Naim Street Mall Paragon Bintulu pada Jumaat lalu.

Petronas dalam kenyataannya berkata, sumbangan itu menunjukkan solidariti dan belas kasihan terhadap mangsa yang terjejas banjir.

Katanya, sumbangan yang diberikan terdiri daripada kit kebersihan termasuk barangan keperluan seperti produk sanitari, semburan nyamuk dan selimut.

"Keluarga yang ditempatkan di PPS itu turut menerima barang makanan yang terdiri daripada tin makanan kering, mi segera dan air mineral untuk meringankan beban mereka pada masa sukar tersebut," tambah kenyataan syarikat itu semalam.

Seorang wakil Petronas memperkatakan mengenai kepentingan berkongsi rezeki dengan komuniti yang memerlukan.

Katanya, dengan bekerjasama rapat dengan JKM, kami berharap dapat memberikan sokongan yang lebih bermakna kepada keluarga terjejas.

"Usaha sama ini menekankan komitmen Petronas untuk menyokong masyarakat dan memastikan kesejahteraan mereka yang terjejas akibat banjir," katanya.



Kakitangan Petronas mengagihkan makanan kepada mangsa banjir.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Bekalan makanan, keperluan asas dihantar ke kawasan terputus hubungan

Nasional - Dicipta: 02 Februari 2025 04:19 PM - Kemas kini: 02 Februari 2025 04:19 PM



Foto JBPN Sarawak

**SERIAN, 2 Februari-** Beberapa kawasan terputus hubungan akibat banjir di sini dan Sebuyau menerima bekalan dan bantuan pagi tadi.

Menurut laporan dari Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri (JBPN) Sarawak operasi pertama melibatkan penghantaran 85 pek makanan ke Kampung Merakai.

Operasi itu melibatkan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Serian bersama beberapa agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menggunakan tiga buah bot.

Manakala lokasi kedua melibatkan penghantaran barang keperluan ke Kampung Bajong, Sebuyau.

Ia melibatkan aset lori bersama 18 anggota dan petugas bomba, PDRM, APM, JKJ dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Dalam pada itu pihak bomba turut menghantar barang keperluan lain seperti tilam, bantal, selimut ke pusat pemindahan sementara (PPS) Kampung Bajong.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	AI-DRIVEN CHILD EXPLOITATION DANGER		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	3 FEB 2025	M/SURAT :	12
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

## AI-driven child exploitation danger

RECENTLY, Britain established a powerful legal precedent by strictly prohibiting the use of artificial intelligence (AI) to generate explicit images of children and minors – becoming the first country to do so. In light of the ability of AI to manipulate images of real-life people, Britain has made it an offence to “nudify” children by processing, taking, making or distributing such content.

Deepfake technology leveraged to defraud the public has seen an alarming spike in usage, with AI-generated imagery used to peddle investment scams by modifying publicly available video and images of prominent individuals. In Malaysia, there has been a 1,000% increase in deepfake scams between 2022 and 2023.

The potential for abuse here is

progressively widening as certain AI tools are capable of altering images of children to create exploitative material – lending even more power to criminals who create underground channels to spread pornographic images. It is already very difficult to enforce existing legislation to crack down on such channels, how much more difficult will it get when AI is involved? In Malaysia,

under the Sexual Offences against Children Act 2017, Section 4 prohibits visual, audio or written representation of a child in sexually explicit circumstances.

With an increase of about five-fold globally of AI-generated imagery of child abuse material, according to the Internet Watch

Image: Human-created, AI-aided



Foundation, there could be a trickle down effect which puts Malaysia at risk.

Before, it was largely organised criminal groups that had the means to source sexually-explicit content through the systematic exploitation of children (ie through abduction, extortion and kidnapping); with widely available AI tools, however, just about anybody can generate photorealistic images of nude children and minors – to then trace the origin of such images becomes immensely more difficult.

It is crucial for Malaysia to significantly revamp its approach should AI-generated explicit imagery become more rampant; it can do so by placing stronger countermeasures against AI software itself. The authorities could consider creating a dedicated

task force designed to monitor the use of AI tools (one that is guided by a comprehensive legal framework, of course).

Last year, Britain and Malaysia enhanced collaboration on AI use in a joint partnership to increase knowledge exchange and capacity-building. Both countries could use such initiatives to create sophisticated detection and monitoring tools. Malaysia and Britain could then advocate for more awareness of the potential for the abuse of AI usage in child sexual exploitation and to push for a standardised system which could be adopted globally. The future of our children is at stake and the time to act is now.

**PRAVIN PERIASAMY**  
Networking and partnerships director  
Malaysian Philosophy Society

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Mayda ambil alih tugas JKM 'selamatkan' 34 warga emas uzur

Oleh Nizam Zain - 2 February 2025



Pengerusi Persatuan Pembangunan Bersatu Malaysia (MAYDA), Sazarul Zakry Datuk Seri Zainal Abidin

KUALA SELANGOR – Persatuan Pembangunan Bersatu Malaysia (Mayda) sudah mengenal pasti premis baharu untuk 'menyelamatkan' 34 warga emas uzur yang bakal diusir dari Pusat Jagaan Orang Tua SRA, Taman Malawati di sini pada Mei ini.

Presidennya, Sazarul Zakry Zainal Abidin berkata, ia susulan dakwaan kegagalan agensi kerajaan menyalurkan bantuan sewajarnya meskipun rumah kebajikan itu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya harap JKM dapat ambil tindakan sewajarnya, fikirkan macam mana, kalau dapat pindahkan mereka (warga emas uzur) ke rumah lain, adakan satu tempat baharu.

"Takkan bila kena halau, penghuni-penghuni rumah amal ini nak duduk di tepi jalan? Itu yang kami khawatiri tapi kami di Mayda tidak akan membiarkan penghuni-penghuninya duduk di tepi jalan.

"Kami akan pertahan dan perjuangkan nasib 34warga emas yang uzur ini hingga kami dapat tempat baharu untuk Pusat Jagaan Orang Tua SRA ini," katanya kepada MalaysiaGazette hari ini.

Pada 30 Januari lalu, MalaysiaGazette melaporkan 34 warga emas dan uzur yang diabaikan ahli keluarga berdepan risiko diusir pemilik rumah pada Mei ini, akibat rumah kebajikan itu kekurangan dana.

Pengasasnya, Sharil Hussein mendakwa, masalah itu timbul selepas sebuah agensi zakat dikatakan memotong peruntukan makanan, penginapan dan pengurusan 27 penghuninya dari RM1,850 kepada RM800 sebulan sejak empat tahunlalu.

Menurut Sharil, pihaknya menerima bantuan daripada agensi berkenaan berjumlah RM16,500 sejak 2021 hingga Disember 2024 namun ia masih tidak mencukupi sedangkan kos operasi rumah kebajikan itu mencecah RM45,000 hingga RM50,000 sebulan.

Sazarul turut berkata, pihaknya bersetuju untuk 'mengambil alih' tugas agensi kerajaan tertentu yang masih mengamalkan kerenah birokrasi sehingga menyebabkan kebajikan 34 penghuni pusat jagaan itu terus terabai.

"Mesyuarat Mayda telah bersetuju untuk mewujudkan jawatankuasa bertindak dan kita akan bekerjasama dengan pengurusan Pusat Jagaan Orang Tua SRA bagi memastikan penghuninya tidak terabai dan dipinggirkan," katanya lagi. – MalaysiaGazette

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Lelaki ceroboh rumah, tumbuk wanita warga emas didakwa di mahkamah esok

🕒 02 Februari 2025, 10:20pm



Foto hiasan

**KUALA SELANGOR:** Suspek lelaki kes ceroboh rumah dan menumbuk seorang wanita warga emas di Kampung Pasir Tuntong, Bukit Rotan, di sini Selasa lalu, akan dihadapkan ke mahkamah esok.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Azaharudin Tajudin berkata, pertuduhan akan dijalankan di Mahkamah Kuala Selangor pada jam 8 pagi.

"Lelaki berusia 34 tahun itu akan dituduh mengikut Seksyen 447/323 Kanun Keseksaan," katanya ringkas ketika dihubungi, malam ini.

Sebelum ini, media melaporkan seorang wanita warga emas berumur 73 tahun cedera ditumbuk seorang suspek yang tinggal berjiran dengannya.

Lelaki yang diburu polis selama lima hari itu mempunyai dua rekod jenayah dan tiga rekod dadah, berjaya ditahan di tepi Jalan Perusahaan, Bandar Baru Kuala Selangor.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Ibu empat anak ditahan kes buang bayi di kedai makan

Oleh SYED AZLAN SAYED HIZAR 2 Februari 2025, 11:37 pm



Bayi perempuan yang ditemui di sebuah kedai makan di Sanglang, dekat Kangar pada 19 Januari lalu.

KANGAR – Polis menahan seorang wanita berusia 29 tahun kerana disyaki menyembunyikan kelahiran dengan membuang bayi perempuannya di sebuah kedai makan di Kampung Rama, Sanglang dekat sini pada 19 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd. Yusop berkata, bertindak atas maklumat, sepasukan polis menahan suspek di sebuah rumah di Simpang Empat kira-kira pukul 2.55 pagi ini.

“Suspek bekerja sebagai pembantu kedai makan dan tinggal bersama empat anak yang masih kecil, sementara suaminya berada di pusat tahanan serenti.

“Tangkapan dan rampasan melibatkan satu unit telefon bimbit, satu kad sim, satu keping kad memori, sebilah gunting, sehelai cadar berwarna coklat dan putih serta sampel uri yang dibakar suspek,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Katanya, hasil siasatan awal mendapati suspek telah mengaku melahirkan bayi perempuan di dalam tandas seorang diri tanpa bantuan di sebuah rumah di Jalan Tok Pulau, Simpang Empat kira-kira pukul 6.30 petang, 18 Januari lalu.

“Pada kira-kira pukul 4.30 pagi, keesokan harinya dia pergi ke sebuah kedai makan dengan menaiki kereta jenis Perodua Myvi milik rakan untuk membuang bayinya itu. Suspek direman selama empat hari bermula hari ini,” ujarnya.

Kosmo! pada 19 Januari lalu melaporkan, seorang bayi perempuan ditemui ditinggalkan di kedai makan di hadapan sebuah rumah di Sanglang, dekat sini. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Lelaki ditahan rogol anak usia 8 tahun



MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR [Follow](#)

02 Februari 2025 08:24pm



Seorang lelaki ditahan selepas disyaki merogol anak perempuannya berusia lapan tahun. Gambar hiasan.

KUALA SELANGOR - Polis menahan seorang lelaki selepas disyaki merogol anak perempuannya berusia lapan tahun pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintenden Azaharudin Tajuddin berkata, pihaknya menerima laporan kejadian itu daripada ibu mangsa kira-kira jam 8.29 malam.

Menurut beliau, hasil siasatan awal mendapati suspek berusia 33 tahun telah bercerai dengan ibu kanak-kanak itu sejak 13 Februari 2022.

"Mangsa kemudian tinggal dengan bapanya dan dibenarkan bersama ibu pada hujung minggu serta cuti persekolahan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Dalam pada itu, katanya, polis turut menerima laporan satu lagi kes rogol membabitkan dua suspek iaitu datuk dan bapa saudara kepada remaja perempuan berusia 14 tahun pada Sabtu.

Katanya, polis menerima maklumat kejadian itu pada jam 7.38 petang oleh datuk saudara remaja itu selepas menerima aduan daripada mangsa.

"Siasatan awal mendapati dua suspek lelaki berusia 66 dan 21 tahun masing-masing merupakan datuk dan bapa saudara mangsa.

"Sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis (IPD) Kuala Selangor telah menahan kedua-dua lelaki terbabit," katanya.

Beliau berkata, semua suspek yang terlibat dalam dua kes rogol itu disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

"Ketiga-tiga suspek direman selama tujuh hari bermula Ahad sehingga 7 Februari depan bagi membantu siasatan," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 3 ditahan susulan 2 kes rogol berasingan babitkan mangsa bawah umur

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin - Februari 2, 2025 @ 7:45pm  
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan.

KUALA SELANGOR: Polis menahan tiga lelaki termasuk warga emas bagi membantu siasatan bersabit dua kes rogol berasingan di Jeram, di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Azaharudin Tajudin, berkata kes pertama membabitkan seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun yang dirogol bapanya.

"Polis menerima laporan daripada ibu kandung mangsa jam 8.29 malam.

"Siasatan awal mendapati lelaki berusia 33 tahun itu bercerai dengan pengadu pada Februari 2022. Mangsa tinggal bersama suspek," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Azaharudin berkata, kanak-kanak malang itu dibenarkan tinggal bersama ibunya pada hujung minggu dan cuti sekolah.

Beliau berkata, pada jam 7 malam semalam mangsa memaklumkan kepada pengadu bahawa suspek melakukan hubungan seks dengannya.

"Hasil laporan dibuat, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor menahan suspek," katanya.

Satu lagi kes membabitkan seorang remaja perempuan berusia 14 tahun yang didakwa dirogol datuk serta bapa saudaranya masing-masing berusia 66 dan 21 tahun.

Azaharudin berkata, laporan dibuat datuk saudara mangsa jam 7.38 malam selepas remaja perempuan itu mengadu padanya.

"Dua suspek ditahan dan siasatan lanjut mendapati mereka mempunyai hubungan persaudaraan," katanya.

Semua suspek direman enam hari bermula hari ini sehingga 7 Februari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SUAMI TAMPAR ISTERI DALAM VIDEO 'LIVE' DIREMAN TIGA HARI

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 3 FEB 2025

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



Suspek kes tampar isteri tiba di Mahkamah Majistret Telok Datuk, Kuala Langat.

(Foto ihsan pembaca)

## Suami tampar isteri dalam video 'live' direman tiga hari

**Kuala Langat:** Seorang lelaki yang menampar isterinya di sebuah pusat beli-belah di Kota Warisan, Sepang sehingga videonya tular di laman sosial, direman tiga hari bermula semalam.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Maslinda Selamat bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Terdahulu, suspek berusia lingkungan 50-an itu tiba di Mahkamah Majistret Telok Datuk, di sini, kira-kira jam 8.30 pagi dengan memakai baju lokap.

Suspek ditahan di hadapan klinik di Kota Warisan, jam 10 pagi kelmarin.

Sebelum ini, tular satu rakaman video berdurasi 29 saat memaparkan seorang wanita berjalan keluar dari pusat beli-belah sambil memegang bungkusan plastik, sebelum seorang lelaki menghampiri dan menamparnya di khalayak.

Tindakan itu bagaimanapun membawa padah selepas ia secara tidak sengaja dirakam dalam satu video siaran langsung di media sosial sebelum adik kepada wanita yang ditampar dalam video berkenaan membuat laporan polis.

Sementara itu Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Norhizam Bahaman, berkata marah kerana lambat keluar selepas membeli makanan dipercayai punca suspek menampar isterinya.

Katanya, suspek dipercayai tidur di dalam kereta selama menghilangkan diri sebelum ditahan pihak polis.

"Kejadian dipercayai berpunca apabila mangsa yang juga isteri suspek lambat keluar daripada pusat beli-belah terbahit selepas membeli nasi ayam," katanya dalam kenyataan, semalam.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm MALAYSIA MADANI

TAJUK : SUSPEK TIDUR DALAM KERETA!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 3 FEB 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

## LELAKI TAMPAR ISTERI KENA REMAN

# Suspek **tidur** dalam kereta!

Oleh Mohd Haris Fadli  
Mohd Fadzil  
harisfadli@hmetro.com.my

### Selangor

Berang lambat keluar selepas membeli makanan dipercayai punca seorang lelaki menampar isterinya seperti dalam video tular di pusat beli-belah di Kota Warisan di sini, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Selangor Asisten Komisioner Norhizam Bahaman berkata, kejadian dipercayai berpunca apabila mangsa lambat keluar daripada pusat beli-belah terbabit selepas membeli nasi ayam.

Menurutnya, suspek juga dipercayai tidur dalam kereta sepanjang tempoh dia menghilangkan diri.

"Suspek berusia 50-an itu direman tiga hari ber-

mula hari ini (semalam) bagi membantu siasatan," katanya.

Sebelum ini dilaporkan lelaki yang menampar isteri di beli-belah di Kota Warisan di sini, sehingga tular di media sosial ditahan polis.

Lelaki itu ditahan di hadapan klinik di Kota Warisan jam 10 pagi kelmarin.

Polis dilaporkan menahan lelaki itu untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksyen dan Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Tindakan suspek menampar isteri membawa padah selepas secara tidak sengaja dirakam dalam satu video live berdurasi 29 saat di media sosial.

Harian Metro sebelum ini melaporkan tindakan seorang lelaki menampar isteri membawa padah selepas secara tidak sengaja dirakam dalam satu video live di media sosial.

Satu rakaman video live berdurasi 29 saat yang tular itu memaparkan seorang wanita berjalan keluar dari pusat beli-belah terbabit sambil memegang plastik di tangan kiri.

Setibanya di pintu keluar premis terbabit, wanita itu tiba-tiba berhenti sejeurus melihat kehadiran suspek yang bertopi dan berjalan ke arahnya, sambil memegang tangan seorang kanak-kanak.

Secara tiba-tiba, lelaki berkenaan menampar wajah wanita itu di khalayak ramai sambil mengatakan sesuatu ke arah mangsa, lalu tanpa banyak soal wanita itu dilihat keluar dari premis terbabit.



SUSPEK ditahan dan direman tiga hari bagi membantu siasatan.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	MAN HELD FOR 3 DAYS FOR ALLEGEDLY SLAPPING WIFE		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	3 FEB 2025	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## CAUGHT ON VIDEO

# Man held for 3 days for allegedly slapping wife

**KUALA LANGAT:** A man who was caught on video allegedly slapping his wife at a shopping mall in Kota Warisan, Sepang, was remanded for three days from yesterday.

The remand order was issued by magistrate Maslinda Selamat under Section 323 of the Penal Code and Section 18 of the Domestic Violence Act 1994.

The suspect, dressed in orange lock-up attire, was brought to the Telok Datuk magistrate's court here at 8.30am.

It was reported on Saturday

that the man was arrested outside a clinic in Kota Warisan about 10am.

A 29-second video circulating on social media showed a woman leaving a shopping mall before a man, holding a child's hand, walks towards her.

He then slaps her in public before scolding her. The woman is then seen leaving the premises.

Sepang district police chief Assistant Commissioner Norhizam Bahaman had said the woman's sibling lodged a police report over the incident.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN ARRESTED FOR SLAPPING WIFE IN PUBLIC

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 3 FEB 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Man arrested for slapping wife in public

**SEPANG:** A video clip showing a 50-year-old man slapping his wife at a shopping mall in Kota Warisan went viral, leading to his arrest.

Sepang district police chief ACP Norhizam Bahaman said the man was detained in front of a clinic in Kota Warisan at 10am yesterday.

The case is being investigated under Section 323 of the Penal Code and Section 18 of the Domestic Violence Act 1994.

"The man will be brought to court for a remand order," Norhizam said in a statement.

Earlier, the media reported that the man had slapped his 35-year-old wife, with the incident recorded and streamed live on social media.

– Bernama